

Implikasi Perkahwinan Tidak Berdaftar terhadap Pengiktirafan Perkahwinan dan Status Anak dalam Undang-Undang di Malaysia

Implication of Unregistered Marriage on Marriage Recognition and Child Status under Malaysian Law

Nur Faizah Aqilah Asahari & Nurbazla Ismail[✉]

Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

ABSTRAK

Isu perkahwinan yang tidak berdaftar kini semakin mendapat perhatian di Malaysia, terutama berkaitan dengan pengiktirafan undang-undang terhadap perkahwinan tersebut dan status anak-anak yang dilahirkan dari perkahwinan itu. Salah satu isu utama yang timbul adalah kekeliruan undang-undang mengenai pengiktirafan perkahwinan tidak berdaftar yang menyebabkan masalah dalam hal status perkahwinan, hak harta, dan warisan. Kajian ini bertujuan untuk menilai implikasi undang-undang terhadap perkahwinan yang tidak berdaftar serta menganalisis status anak-anak dalam konteks undang-undang di Malaysia. Hasil kajian menunjukkan bahawa perkahwinan yang tidak berdaftar menyebabkan berlaku pelbagai proses yang menyulitkan, termasuk proses perceraian, pembahagian harta, dan pengiktirafan status anak-anak di bawah undang-undang sivil dan Syariah. Kajian ini mengaplikasikan teori hukum keluarga yang menekankan hubungan undang-undang dalam institusi keluarga, serta teori keadilan sosial untuk menilai ketidakadilan yang timbul akibat kekeliruan pengiktirafan terhadap perkahwinan tidak berdaftar. Diharapkan penemuan kajian ini dapat memberi cadangan berguna kepada pihak berkuasa untuk merangka dasar yang lebih baik dalam melindungi hak-hak individu, terutamanya anak-anak yang terlibat dalam perkahwinan tidak berdaftar.

KATA KUNCI

Perkahwinan tidak berdaftar, Implikasi Undang-Undang, Hak Harta, Status Anak, Undang-Undang Sivil dan Syariah.

ABSTRACT

The issue of unregistered marriages is increasingly gaining attention in Malaysia, especially regarding the legal recognition of such marriages and the status of children born from them. One of the main issues that arises is the confusion in the law surrounding the recognition of unregistered marriages, which leads to problems concerning marriage status, property rights, and inheritance. This study aims to assess the legal implications of unregistered marriages and analyze the status of children under Malaysian law. The study's findings demonstrate that unregistered marriages result in complicated procedures, including divorce proceedings, division of property, and the recognition of children's status under both civil and Shariah law. The study applies the Family Law theory, which emphasizes the legal relationship within the family institution, as well as the theory of social justice, to assess the injustices arising from the lack of clarity in the recognition of unregistered marriages. It is hoped that the findings of this study will provide useful recommendations for authorities to develop better policies to protect the rights of individuals, particularly children involved in unregistered marriages.

KEYWORDS

Unregistered Marriage, Legal Implications, Property Rights, Child Status, Civil and Syariah Law.

Article History

Received: Jan 5, 2026

Revised: May 5, 2026

Accepted: Jun 4, 2026

Published: Jun 23, 2026

✉ Contact

Nurbazla Ismail (Corresponding Author) nurbazla@ukm.edu.my

Citation

Nur Faizah Aqilah binti Asahari & Dr Nurbazla binti Ismail. 2026. Implikasi Perkahwinan Tidak Berdaftar Terhadap Pengiktirafan Perkahwinan Dan Status Anak Dalam Undang-Undang Di Malaysia. *Journal of Contemporary Islamic Law*. 11(1): 137-150.

Copyright

© 2024 by the author(s)



This work is licensed under a Creative Commons Attribution-Non-Commercial 4.0 International License. (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>)

PENGENALAN

Islam telah mensyariatkan perkahwinan dan menetapkan peraturan yang sempurna berdasarkan prinsip yang kukuh dan menjamin kestabilan masyarakat, kebahagiaan keluarga, tersebarnya kebaikan, pemeliharaan budi pekerti dan mengekalkan generasi manusia. Hal ini berdasarkan firman Allah SWT dalam Surah an-Nisa' ayat 3 :

فَانكِحُوا مَا طَابَ لَكُمْ مِنَ النِّسَاءِ مَثْنًا وَثُلَاثًا
وَرُبْعًا ۖ

Maksudnya : Maka, kahwinilah wanita-wanita (lain) yang kamu senangi: Dua, tiga atau empat". (Surah an-Nisa', 4:3)

Bukan itu sahaja, agama Islam menggalakkan perkahwinan dan mendorong umatnya agar berkahwin. Hal ini disebabkan terdapat banyak kebaikan dan faedahnya terhadap individu dan masyarakat. Dalam masa yang sama, terdapat pelbagai hikmah dan faedah pensyariaan serta galakkan berkahwin. Antaranya ialah memenuhi keperluan fitrah manusia. Perkahwinan juga bertujuan untuk mengembangkan masyarakat kepada generasi anak-anak yang dilahirkan oleh ibu bapa yang penyayang dan belas ihsan serta berusaha mendidik akal dan mengembangkan bakat mereka. Walhal, anak-anak yang terhasil daripada perbuatan zina ini tidak mempunyai bapa yang akan melindunginya dan ibu yang menyayanginya. Mereka akan membesar sedangkan dalam diri mereka penuh dengan kebencian dan kedengkian terhadap umat masyarakat dan manusia seluruhnya (Al-Bakri, 2017).

Di Malaysia, perkahwinan orang Islam dikawal selia oleh Undang-Undang Keluarga Islam yang berkuat kuasa di setiap negeri dengan merujuk kepada Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 (Akta 303) dan Enakmen negeri masing-masing. Melalui akta tersebut, setiap perkahwinan hendaklah didaftarkan di Pejabat Agama Islam negeri masing-masing sebagai mana yang dinyatakan dalam Seksyen 25. Undang-undang keluarga Islam di Malaysia tidak mengiktiraf perkahwinan yang melanggar prosedur seperti yang telah ditetapkan oleh undang-undang yang termaktub (Fuad & Rapini, 2023). Tidak dapat dinafikan lagi di sini bahawa perkahwinan yang tidak didaftarkan juga termasuk dalam kategori

perkahwinan yang melanggar atau tidak mengikuti prosedur yang ditetapkan. Oleh itu, perkahwinan yang tidak didaftarkan melalui saluran yang sah di sisi undang-undang akan menyebabkan banyak implikasi.

Berikutan perkara tersebut, setiap pasangan yang hendak melangsungkan perkahwinan perlulah memastikan mereka mematuhi setiap prosedur atau peraturan yang ditetapkan bagi memastikan perkahwinan mereka sah dan diiktiraf oleh undang-undang di Malaysia dengan mendaftarkan perkahwinan mereka di Pejabat Agama Islam Daerah (PAID) masing-masing. Dalam hal ini, pengesahan suatu pernikahan itu bukan hanya dituntut dari sudut syarak semata-mata, akan tetapi wajib dipastikan ianya sah menurut undang-undang keluarga Islam di Malaysia.

Prosedur dan undang-undang ini adalah bertujuan untuk menjamin pasangan yang akan bernikah terhindar dari sebarang permasalahan yang akan timbul akibat daripada pernikahan yang tidak mengikuti prosedur serta menghindari mereka daripada hukuman-hukuman atas kesalahan tersebut. Dalam masa yang sama, pematuhan terhadap prosedur yang ditetapkan juga membantu untuk melindungi hak-hak tertentu pasangan dan menjaga kemaslahatan bersama. Namun begitu, fenomena perkahwinan tidak berdaftar terus berlaku, sama ada disebabkan oleh kekurangan ilmu atau pendedahan, keengganan mematuhi prosedur atau faktor sosioekonomi dan budaya yang membatasi akses kepada proses pendaftaran. Oleh hal yang demikian, kajian ini bertujuan untuk meneliti implikasi undang-undang yang timbul akibat perkahwinan tidak berdaftar, khususnya terhadap status perkahwinan dan keturunan menurut perspektif syarak dan undang-undang sivil.

PERMASALAHAN DAN OBJEKTIF KAJIAN

Perkahwinan merupakan satu institusi yang diiktiraf dalam semua agama dan budaya sebagai asas pembentukan sesebuah keluarga yang sah. Di Malaysia, sistem dualistik yang memisahkan antara undang-undang Islam dan undang-undang sivil mewujudkan keperluan bagi perkahwinan untuk didaftarkan agar diiktiraf secara sah di sisi undang-undang. Dalam konteks Malaysia, pendaftaran perkahwinan bagi orang Islam adalah suatu kewajipan kepada setiap masyarakat sebagaimana termaktub dalam Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 (Akta 303) dan enakmen

negeri-negeri. Walaupun begitu, realiti semasa menunjukkan bahawa terdapat segelintir masyarakat yang masih menjalinkan perkahwinan secara tidak berdaftar, sama ada kerana kekangan prosedur, kurangnya pengetahuan undang-undang, atau semata-mata ingin mengelakkan proses birokrasi.

Bukan itu sahaja, masalah ini turut mencabar kredibiliti undang-undang keluarga Islam di Malaysia. Isu ini menimbulkan pelbagai implikasi, bukan sahaja kepada status pasangan suami isteri, malah lebih besar lagi terhadap status anak yang dilahirkan daripada perkahwinan tersebut. Tanpa pendaftaran rasmi, akan timbul persoalan tentang kesahan perkahwinan di sisi undang-undang, hak penjagaan anak, harta warisan, dan kedudukan nasab anak. Lebih membimbangkan, ketidakpastian status perkahwinan dan keturunan ini boleh memberi kesan berpanjangan kepada generasi akan datang termasuk hal ehwal pendidikan, identiti diri, serta akses kepada hak-hak yang sah di sisi undang-undang.

Berikutan isu ini, Prof Datin Noor Aziah Mohd Awal yang juga merupakan Professor Undang-Undang Keluarga, Wanita dan Kanak-kanak, Universiti Kebangsaan Malaysia (Utusan Malaysia, 2015) berkata bahawa dalam satu kes yang pernah dibantu oleh beliau, pasangan telah berkahwin di Thailand kerana suami telah mempunyai isteri dan tidak mendapatkan kebenaran. Suami enggan memohon ke mahkamah Syariah kerana kes perceraian sedang berjalan dan perkara itu boleh mengganggu proses tersebut. Walau bagaimanapun, suami berjanji akan mendaftarkan perkahwinan di Thailand itu sebaik sahaja suami dibenarkan untuk melafazkan talak kepada isteri pertama. Setelah berkahwin dan mendapat anak, pernikahan di Thailand masih tidak didaftarkan oleh suami sehingga kelahiran anak tidak didaftarkan kerana pejabat pendaftaran tidak mahu mendaftar suami sebagai nama bapa kerana tidak pasti kesahan perkahwinan.

Selain itu, dapatan kajian oleh Mohamad (2008) menunjukkan bahawa peratusan kesediaan pasangan untuk mendaftarkan perkahwinan hanyalah sebanyak 72.5%, manakala 7.5% tidak bersetuju untuk mendaftarkan perkahwinan kerana poligami tanpa pengetahuan isteri pertama dan baki sebanyak 20% lagi tidak pasti sama ada hendak mendaftarkan perkahwinan mahupun sebaliknya. Perkara ini jelas menimbulkan kegusaran kerana

dikhuatiri akan mendatangkan pelbagai kesan negatif di kemudian hari.

Seterusnya, permasalahan lain yang jelas dapat dilihat berkaitan isu ini adalah dalam kes Norshazrin binti ismail lwn JAINJ (Kes Mal No: IP/01/JBA/00043/2020) yang dinyatakan dalam Mekanisme Penguatkuasaan Kesalahan Matrimoni Perkahwinan Tanpa Kebenaran Bagi Orang Islam Di Negeri Johor. Dalam kes ini, pemohon terpaksa melalui proses mendapatkan sijil nikah bersama penguatkuasaan Syariah terlebih dahulu untuk mendaftarkan kelahiran anaknya yang telah berusia 16 tahun walaupun suaminya telah meninggal dunia. Berdasarkan rekod pihak berkuasa agama, terdapat banyak kes perkahwinan yang dilaksanakan secara sembunyi atau sindiket, sama ada di dalam atau luar negara. Perkahwinan ini tidak diusahakan untuk didaftarkan oleh pasangan sehingga ke tahap anak-anak pasangan telah dewasa dan ingin berkahwin (Borhanuddin et al., 2022).

Walhal, terdapat pihak-pihak mendaftarkan perkahwinan setelah keadaan mendesak, yang mengakibatkan pihak pendaftar perkahwinan di Jabatan Agama Islam didesak dan dimarahi sedangkan kecuaiannya datang daripada pihak mereka sendiri (Portal Rasmi Majlis Agama Islam Selangor, 2024). Dalam artikel lain juga ada menyatakan bahawa perbuatan yang mengikat sebuah hubungan dengan akad nikah yang sah tetapi tidak diuruskan untuk didaftarkan mengikut perundangan merupakan satu kezaliman terhadap diri sendiri, isteri dan juga anak-anak. Ia juga akan menyukarkan pihak-pihak lain yang terlibat seperti pihak Jabatan Agama Islam dari sudut rekod pendaftaran perkahwinan, pihak Jabatan Pendaftaran Negara dari sudut Pendaftaran kelahiran anak serta pihak Jabatan Kehakiman dari sudut penentuan nasab anak dan tuntutan berbangkit dari perkahwinan.

Bukan itu sahaja, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) tidak mengiktiraf mana-mana pernikahan pasangan tempatan di luar negara sekiranya pasangan itu tidak berdaftar dengan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Pengerusi MAIS iaitu Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof (Portal Rasmi Majlis Agama Islam Selangor, 2024) berkata, walaupun pernikahan itu dikira sah di sisi Islam, tetapi setiap pasangan yang gagal mendaftarkan perkahwinan mereka tetap tidak diiktiraf dan ia sekali gus akan menimbulkan pelbagai masalah lain pada masa akan datang. Tambahnya lagi, ruang untuk bernikah di Malaysia terbuka luas dan tiada masalah. Malah, beliau menyatakan bahawa

pihak mereka juga mengadakan kursus perkahwinan yang tidak dilakukan oleh mana-mana negara, paling kurang pun mereka hanya bertanya soalan rukun nikah atau tiada sebarang soalan akan diajukan. Dalam masa yang sama, beliau juga menegaskan bahawa Selangor juga tidak mengiktiraf apa-apa jenis pakej pernikahan di luar negara termasuk Thailand dan Indonesia. (Berita Harian, 2023)

Selain itu, Perkahwinan yang tidak jelas kesahan akan mengganggu urusan seharian pasangan suami isteri. Menurut Prof Datin Noor Aziah Mohd Awal (2015), beliau sering ditanya bolehkah suatu perkahwinan itu menjadi tidak sah kerana ia tidak berdaftar di Malaysia? Bagi orang Islam, syarat sah nikah adalah jelas iaitu lelaki, perempuan, wali, saksi serta Ijab dan kabul. Jika semua elemen ini dipenuhi, maka pernikahan itu adalah sah. Walaupun begitu, jika pernikahan dilangsungkan dengan tidak memenuhi keperluan tersebut walau di mana pernikahan itu dilangsungkan, maka tidak sah. Pernikahan dalam negara yang dilangsungkan tanpa kebenaran daripada pihak berkuasa agama walaupun memenuhi semua syarat sah nikah perlu didaftarkan. Tujuan utama pendaftaran untuk memastikan perkahwinan tersebut benar-benar sah (Mohd Awal, 2015).

Berdasarkan perbincangan yang telah dikemukakan, jelas menunjukkan bahawa perkahwinan yang tidak didaftarkan boleh mendatangkan pelbagai kesan negatif yang akan menyukarkan kehidupan pasangan yang melakukan perkara tersebut di masa hadapan. Dalam masa yang sama, perkahwinan yang tidak jelas kesahannya akan mengganggu urusan seharian pasangan suami isteri dan keturunan mereka. Oleh itu, satu kajian mendalam amat diperlukan untuk meneliti implikasi perkahwinan tidak berdaftar dalam kalangan masyarakat muslim di Malaysia. Kajian ini bukan sahaja untuk memahami batas hukum serta undang-undang, tetapi juga untuk menyedari tanggungjawab masyarakat terhadap undang-undang yang digubal untuk menjaga masalah bersama.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi bagi kajian ini ialah pendekatan kualitatif berbentuk kajian kepustakaan untuk meneliti fenomena perkahwinan yang tidak berdaftar dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Analisa dokumen digunakan untuk meneliti sumber-sumber primer dan sekunder yang berautoriti. Sumber primer meliputi ayat-

ayat al-Quran, kitab-kitab fiqh muktabar, serta fatwa-fatwa rasmi yang dikeluarkan oleh institusi Islam seperti JAKIM dan jabatan mufti negeri. Sumber sekunder pula terdiri daripada bahan ilmiah seperti jurnal akademik, artikel penyelidikan, buku rujukan, tesis, laporan tahunan jabatan agama serta keputusan-keputusan kes mahkamah. Kaedah ini membantu penyelidik memahami prinsip-prinsip hukum dan peruntukan undang-undang yang berkaitan dengan isu perkahwinan tidak berdaftar serta menganalisis pelaksanaannya dalam konteks semasa. Proses analisis dijalankan menggunakan pendekatan analisis kandungan bagi mengenal pasti tema-tema utama yang berkaitan dengan kesahan, prosedur dan implikasi undang-undang. Semua bahan ini diakses sama ada dalam bentuk digital ataupun bercetak. Analisis kandungan dalam kajian ini dijalankan menggunakan kaedah deskriptif bagi menghuraikan data secara sistematik berdasarkan sumber-sumber bertulis yang sahih. Pendekatan ini membolehkan kandungan teks difahami, dianalisis dan dirumuskan mengikut keperluan objektif kajian.

KONSEP PERKAHWINAN TIDAK DIDAFTARKAN

Kamus Dewan (2007) mendefinisikan perkahwinan tanpa kebenaran sebagai kahwin lari yang merupakan perkahwinan atau pernikahan yang dilakukan oleh pasangan yang suka sama suka ditempat lain tanpa restu dan tidak disaksikan oleh keluarga. Terdapat kepelbagaian istilah yang digunakan bersandarkan undang-undang keluarga Islam yang diaplikasikan dalam mendefinisikan perkahwinan tanpa kebenaran dalam masyarakat iaitu pernikahan merentasi sempadan, kahwin luar sempadan, kahwin lari atau kahwin kobo. (Borhanuddin et al., 2023).

Bukan itu sahaja, perkahwinan tanpa kebenaran atau yang dikenali di kalangan masyarakat Malaysia hari ini sebagai kahwin lari bermaksud perkahwinan yang biasanya di akadkan oleh wali Hakim serta tidak mengikut Enakmen atau Akta Undang-Undang Keluarga Islam dan tidak dipersetujui oleh wali pengantin perempuan. Perkahwinan ini juga tidak mendapat kebenaran pendaftar nikah cerai mukim yang berkenaan. Ia juga tidak semestinya dilakukan di luar negara yang berjiran, tetapi juga mungkin melalui perkahwinan sindiket yang dilakukan di daerah itu sendiri tanpa kebenaran wali dan juga pendaftar nikah cerai (Mohamad, 2008). Bukan itu sahaja, perkahwinan tidak mengikut prosedur

juga boleh diklasifikasikan sebagai perkahwinan tanpa kebenaran pendaftar di mana kesalahan ini dilakukan oleh pasangan yang hendak berkahwin (bujang) tanpa merujuk kepada pendaftar yang mempunyai hak bagi negeri masing-masing (Hussin 2015).


Oleh yang demikian, dapat dirumuskan bahawa semua bentuk perkahwinan tanpa kebenaran termasuk kahwin lari, kahwin koboi, kahwin luar sempadan, perkahwinan sindiket dan perkahwinan yang tidak mengikut prosedur, dikategorikan sebagai perkahwinan yang tidak berdaftar sekiranya perkahwinan tersebut tidak didaftarkan secara rasmi di Pejabat Agama Islam Daerah (PAID). Justeru, walaupun perkahwinan tersebut mungkin memenuhi rukun dan syarat nikah menurut hukum syarak, tetapi kegagalan mendaftarkannya menyebabkan perkahwinan itu tidak diiktiraf dari sudut undang-undang dan tertakluk kepada implikasi perundangan yang ditetapkan.

KERANGKA TEORITIKAL ATAU KONSEPTUAL

Perkahwinan yang dianjurkan Islam antara lain adalah bertujuan untuk mengawal nafsu di samping mampu menutup jalan-jalan kemaksiatan seperti zina, khalwat dan sumbang mahram. Dari sudut perundangan, setiap pasangan yang ingin melangsungkan perkahwinan dikehendaki mendapatkan kebenaran daripada Pendaftar Nikah, Cerai dan Rujuk (NCR) di Pejabat Agama Islam Daerah (PAID) kawasan masing-masing. Perkahwinan yang baik dan mencapai objektif syariah haruslah dilakukan mengikut saluran yang betul.

Perkahwinan perlu diuruskan secara sempurna agar ia dapat menjamin segala hak dan kewajiban setiap pasangan serta hal ehwal berkaitan dengannya. Perkahwinan adalah sebahagian daripada hal ehwal keagamaan yang tertakluk di dalam bidang kuasa negeri-negeri seperti yang termaktub dalam perkara Senarai 2 Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan. Setiap negeri di Malaysia mentadbir urusan agama mengikut peruntukan-peruntukan tersebut yang telah ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan. Sekiranya sesuatu perkahwinan yang dilangsungkan mengikut syarak, ia tetap sah walaupun tidak didaftarkan. Pendaftaran perkahwinan hanyalah sebagai syarat tambahan kepada Undang-Undang Keluarga Islam dan bukanlah termasuk dalam sebahagian rukun atau syarat sah sesuatu akad perkahwinan. Dalam hal

ini, Islam melihat kepada keperluan semasa bagi menangani sesuatu isu selagi mana ia tidak berlanggar dengan mana-mana nas syarak baik secara khusus ataupun secara umum. Walaupun pendaftaran perkahwinan tidak pernah dinaskan dalam mana-mana ayat alquran ataupun hadis, tetapi cara ini sangat diperlukan bagi mengelak daripada berlakunya penyelewengan dalam institusi kekeluargaan.



Rajah 1. Kerangka Konseptual Perkahwinan Yang Tidak Berdaftar

Rajah 1 menunjukkan kerangka konseptual kajian ini yang dibangunkan bagi menggambarkan secara sistematik hubungan antara perkahwinan tidak berdaftar, faktor-faktor yang mendorong berlakunya perkahwinan tersebut, serta implikasi undang-undang yang timbul dalam konteks perundangan di Malaysia. Dalam kerangka ini, perkahwinan tidak berdaftar diletakkan sebagai teras utama. Perkahwinan tidak berdaftar merujuk kepada perkahwinan yang dilangsungkan tanpa mematuhi prosedur pendaftaran yang ditetapkan oleh undang-undang keluarga Islam negeri-negeri, walaupun perkahwinan tersebut mungkin memenuhi rukun dan syarat sah nikah menurut hukum syarak. Bentuk perkahwinan ini merangkumi pernikahan merentasi sempadan, perkahwinan yang tidak mengikut prosedur, nikah sindiket, kahwin lari dan kahwin koboi. Kegagalan mendaftarkan perkahwinan di Pejabat Agama Islam Daerah menyebabkan perkahwinan tersebut tidak diiktiraf secara rasmi di sisi undang-undang, sekali gus membuka ruang kepada pelbagai permasalahan perundangan.

Kerangka konseptual ini turut mengambil kira faktor-faktor penyumbang yang mendorong pasangan memilih untuk melangsungkan perkahwinan secara tidak berdaftar. Antara faktor utama yang dikenal pasti ialah faktor poligami, khususnya apabila perkahwinan dilakukan tanpa kebenaran mahkamah, faktor keluarga atau ibu bapa seperti keengganan wali atau tekanan sosial, faktor prosedur undang-undang yang dianggap rumit dan memakan masa, faktor individu termasuk kekurangan pengetahuan undang-undang dan sikap memandang ringan kepentingan pendaftaran serta faktor kewarganegaraan yang melibatkan perkahwinan dengan warga asing atau perkahwinan di luar negara. Faktor-faktor ini tidak wujud secara terasing, sebaliknya saling berkait dan mempengaruhi keputusan pasangan untuk mengabaikan keperluan pendaftaran perkahwinan.


Oleh itu, kesan langsung daripada perkahwinan tidak berdaftar ditunjukkan dalam kerangka ini melalui implikasi perundangan yang timbul daripada pelanggaran prosedur tersebut. Dari aspek status perkahwinan, pasangan suami isteri berhadapan dengan kesukaran untuk mendapatkan pengiktirafan undang-undang, terutamanya dalam urusan perceraian, tuntutan nafkah dan pengesahan hubungan perkahwinan. Dari aspek status anak, perkahwinan tidak berdaftar boleh menimbulkan isu berkaitan nasab, pendaftaran kelahiran serta akses kepada hak-hak undang-undang yang sah. Selain itu, kerangka ini turut menonjolkan implikasi dari aspek hak-hak isteri, termasuk kesukaran menuntut nafkah, harta sepencarian dan perlindungan undang-undang sekiranya berlaku konflik rumah tangga. Dari aspek perundangan, pasangan terpaksa melalui proses pengesahan nikah di Mahkamah Syariah, yang lazimnya melibatkan kos, masa dan prosedur yang panjang. Manakala dari aspek masyarakat, perkahwinan tidak berdaftar berpotensi menjejaskan kestabilan institusi keluarga serta mencabar keberkesanan sistem perundangan dalam melindungi kepentingan pihak-pihak yang terlibat, khususnya wanita dan kanak-kanak.

Secara keseluruhannya, kerangka konseptual ini menunjukkan bahawa perkahwinan tidak berdaftar bukan sekadar isu teknikal pendaftaran, tetapi merupakan fenomena sosial dan perundangan yang membawa implikasi luas terhadap pengiktirafan perkahwinan dan status anak di Malaysia. Justeru, kerangka ini menjadi asas penting dalam

menganalisis implikasi perkahwinan tidak berdaftar menurut undang-undang di Malaysia selaras dengan objektif kajian yang ingin menilai kesan perundangan serta perlindungan hak pihak-pihak yang terlibat.

PROSEDUR PENDAFTARAN PERKAHWINAN DI MALAYSIA

Di Asia tenggara, Malaysia merupakan antara negara pertama yang melakukan pembaharuan Undang-Undang Keluarga Islam dengan Mohammadan Marriage ordinance No.V tahun 1880 di negeri-negeri selat. Undang-undang ini lah yang mengandungi undang-undang berkaitan prosedur (pencatatan dan pendaftaran perkahwinan dan perceraian). Manakala, bagi negeri-negeri Melayu Bersekutu (Perak, Selangor, Negeri sembilan, dan Pahang) adalah registration of Muhammadan Marriages dan Divorces Enactment 1885. Sedangkan untuk negara-negara Melayu tidak bersekutu seperti Kelantan, Terengganu, Perlis, Kedah, Johor adalah Divorce regulation tahun 1907 (Basyar, 2017). Walau bagaimanapun, Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia tidak menjadikan pendaftaran sebagai kayu ukur sah atau tidak sesuatu perkahwinan. Sah atau tidak sesebuah perkahwinan adalah bergantung kepada cukup atau tidak rukun-rukun perkahwinan menurut Fiqh munakahat dalam Islam. Biarpun begitu, Undang-undang di Malaysia tetap menegaskan bahawa perkahwinan yang tidak berdaftar adalah tidak sah di sisi undang-undang negara. Tidak dapat disangkal lagi, walaupun negeri-negeri di Malaysia mempunyai undang-undang tersendiri yang mengatur undang-undang Islam negeri masing-masing, namun pendaftaran perkahwinan adalah sama dan harus dilakukan oleh seluruh rakyat di seluruh Malaysia. Proses-proses pendaftaran perkahwinan tersebut dapat dilihat adalah seperti berikut:



Carta 1. Permohonan Kebenaran Berkahwin Atau Poligami Di dalam Dan Luar Wilayah Persekutuan

Sumber: Buku panduan proses nikah, cerai, rujuk di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur.

Carta 1 tersebut menunjukkan pada mulanya pemohon hendaklah menyerahkan dokumen yang telah lengkap diisi kepada pegawai di kaunter Bahagian Perkahwinan dan Pembangunan Keluarga (BPPK) di tempat pemohon bermastautin. Pemohon hendaklah mengisi dua salinan Borang 1 iaitu permohonan untuk kebenaran berkahwin dengan lengkap dan melampirkan dokumen seperti dua salinan Kad Pengenalan (warganegara) atau dua salinan passport atau visa yang masih (bukan warganegara), Sijil Kursus Pra Perkahwinan Islam (asal dan Salinan), surat akuan bujang daripada majikan atau surat akuan sumpah bujang bagi yang tiada majikan dan pengesahan Ujian saringan human immunodeficiency virus (HIV) daripada hospital atau klinik kesihatan Kerajaan Malaysia. Bagi pemohon yang hendak berpoligami pula hendaklah menyerahkan butir-butir dan dokumen sokongan seperti tiga salinan kad pengenalan pemohon, tiga salinan kad pengenalan isteri yang sedia ada, tiga salinan surat nikah atau rujuk, satu asal dan dua salinan saman, satu asal dan dua salinan penyata tuntutan, tiga salinan borang permohonan lelaki berpoligami (1B) dan tiga salinan sijil kelahiran anak-anak.

Setelah menyerahkan Borang 1 dan dokumen sokongan yang diperlukan, pegawai yang bertugas akan membuat semakan di Kaunter Bahagian Perkahwinan dan Pembangunan Keluarga (BPPK) dalam masa 10 minit. Pemohon hendaklah hadir bersama dengan wali berjumpa Penolong Pendaftar Perkahwinan (jurunikah kariah) di tempat tinggal pemohon tinggal untuk tujuan pengesahan Borang 1. Sekiranya borang lelaki dan perempuan yang telah disahkan oleh Penolong Pendaftar Perkahwinan (jurunikah kariah) di kariah masing-masing beserta dokumen yang diperlukan telah lengkap, borang tersebut hendaklah dikemukakan di Kaunter Bahagian Perkahwinan dan Pembangunan Keluarga Jawi (BPPK) dengan membuat bayaran berjumlah RM 25.00 bagi pernikahan dalam Wilayah Persekutuan atau RM 5.00 bagi pernikahan luar Wilayah Persekutuan dalam masa 15 minit.

Walau bagaimanapun, bayaran mengikut kadar semasa yang dikuatkuasakan. Sebaliknya, sekiranya borang tersebut tidak lengkap, hendaklah kembali semula ke kaunter Bahagian Perkahwinan dan Pembangunan Keluarga Jawi

(BPPK) untuk melengkapkan borang permohonan tersebut. Permohonan perkahwinan ini hendaklah disampaikan sekurang-kurangnya tujuh hari sebelum tarikh perkahwinan. Namun, permohonan boleh dilakukan dalam masa yang lebih singkat mengikut kes-kes tertentu atas budi bicara Pendaftar. Sekiranya Pendaftar berpuas hati dengan permohonan yang dibuat dan sekiranya pihak lelaki yang ingin berpoligami telah mendapat kebenaran tersebut serta pembayaran yang ditetapkan telah dilunaskan, maka kebenaran perkahwinan akan dibuat. Surat kebenaran berkahwin akan diserahkan kepada pemohon dalam masa 5 minit di Kaunter Bahagian Perkahwinan dan Pembangunan Keluarga (BPPK) yang terakhir. Apabila perkahwinan kebenaran diluluskan, upacara pernikahan hendaklah dilakukan samada oleh wali sendiri atau wakil wali di hadapan terus oleh pengantin lelaki dalam majlis akad ataupun diwakilkan kepada seseorang untuk menerima nikah itu baginya.

PENDAFTARAN PERKAHWINAN BAGI PASANGAN YANG BERKAHWIN DI LUAR NEGARA MENURUT UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Berdasarkan undang-undang Islam, adalah dibenarkan sekiranya perkahwinan diadakan di mana-mana tempat dengan syarat segala rukun-rukun pernikahan itu disempurnakan oleh golongan yang bakal mendirikan rumah tangga. Dalam masa yang sama, perundangan Islam di Malaysia juga tidak mengehadkan setiap masyarakat yang bermastautin di mana-mana negeri di Malaysia untuk berkahwin selain daripada tempat permastautin dengan syarat telah memenuhi keperluan rukun nikah dan juga mendapatkan kebenaran daripada pihak berkuasa agama Islam negeri. Oleh hal yang demikian, setiap orang yang ingin mendirikan rumah tangga perlulah mendapatkan kebenaran seperti yang diperuntukkan di dalam Seksyen 19 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 seperti berikut :

Tiada suatu perkahwinan boleh diadnikahkan melainkan suatu kebenaran berkahwin telah diberi:-

a) Oleh Pendaftar di bawah seksyen 17 atau oleh Hakim Syarie di bawah seksyen 18, Jika perkahwinan itu melibatkan seorang perempuan yang bermastautin dalam Wilayah Persekutuan, atau

b) Oleh pihak berkuasa yang sepatutnya bagi sesuatu negeri, jika perkahwinan itu melibatkan seorang perempuan yang bermastautin di negeri itu,

Berdasarkan perkara tersebut, hal yang sama juga berlaku kepada mereka yang berhasrat untuk mengadakan perkahwinan di luar negara. Pasangan tersebut perlu memohon kebenaran daripada Kedutaan, Suruhanjaya Tinggi atau Pejabat konsul Malaysia yang dilantik menggantikan tugas-tugas sebagai pendaftar untuk negeri di mana pasangan itu bermastautin atau salah satu pihak kepada pasangan tersebut bermastautin. Walaupun begitu, pihak-pihak yang telah berkahwin di luar negara tanpa merekodkan pendaftaran kepada Kedutaan, Suruhanjaya Tinggi atau Pejabat konsul Malaysia yang dilantik oleh kerajaan Malaysia hendaklah mendaftarkan perkahwinan mereka dalam masa 6 bulan selepas tarikh perkahwinan di hadapan Pendaftar perkahwinan, Perceraian dan Rujuk Orang Islam yang paling berhampiran dan mudah didapati di luar negeri dan pendaftaran tersebut hendaklah disifatkan sebagai pendaftaran yang mengikut peruntukan perundangan Islam di Malaysia.

Sekiranya dalam tempoh 6 bulan pasangan tersebut pulang ke Malaysia dan masih belum mendaftarkan perkahwinan mereka, maka kedua-dua pihak atau salah satu pihak dalam perkahwinan tersebut hendaklah datang di hadapan pendaftar dalam negeri tempat bermastautin untuk mendaftarkan perkahwinan mereka. Dalam hal ini, pihak tersebut perlu lah mengemukakan kepada pendaftar surat perakuan nikah atau sebarang bentuk keterangan sama ada lisan atau dokumen, sebarang butir yang wajar dan membuat permohonan serta membuatakuan untuk membuktikan bahawa perkahwinan tersebut telah berlaku mengikut hukum syarak. Secara asasnya, setiap pernikahan yang dilangsungkan tanpa kebenaran adalah tidak dibenarkan untuk didaftarkan kerana khawatir berlaku pernikahan yang tidak mengikut peraturan agama Islam yang menghendaki rukun-rukun pernikahan dipenuhi.

Seperti yang setiap masyarakat ketahui, kebiasaannya pernikahan yang berlaku di luar negara tanpa kebenaran adalah terdedah kepada aktiviti pernikahan sindiket yang menggunakan individu tidak mempunyai tauliah atau kelayakan untuk menjadi wali. Namun begitu, pasangan yang berkahwin di luar negara tanpa kebenaran juga dibenarkan untuk mendaftarkan

perkahwinan mereka namun perlu untuk mendapatkan perintah mahkamah terlebih dahulu seperti yang dinyatakan dalam seksyen 12 Akta Undang-undang Keluarga Islam:

(1) Suatu perkahwinan yang melanggar dengan Akta ini tidak boleh didaftarkan di bawah Akta ini. (2) Walau apa pun subseksyen (1) dan tanpa menjejaskan subseksyen 40

(2), sesuatu perkahwinan yang telah diupacarakkan berlawanan dengan mana-mana peruntukan Bahagian ini tetapi sebaliknya sah mengikut Hukum Syarak boleh didaftarkan di bawah Akta ini dengan perintah daripada Mahkamah.

Selain itu, untuk mendaftarkan perkahwinan yang berlaku di luar negara tanpa kebenaran, maka pihak-pihak dalam perkahwinan perlu membawa keterangan yang secukupnya dan jelas untuk membuktikan bahawa perkahwinan itu berlaku mengikut Hukum Syarak. Justeru dalam Islam telah disyaratkan bahawa untuk membuktikan sesuatu dakwaan, setiap orang yang menuntut hendaklah membuktikan keterangannya. Sehubungan dengan itu, terdapat beberapa jenis bentuk keterangan yang telah dinyatakan dalam perundangan Islam seperti syahadah, bayyinah, dokumen, iqrar, sumpah dan pendapat pakar (Yahya et al., 2016).

Sehubungan dengan itu, sekiranya pihak-pihak mengemukakan keterangan saksi, segala pernyataan yang dibuat mengenai perkara yang dibenarkan dan dikehendaki oleh mahkamah serta mempunyai kaitan dengan fakta-fakta yang dibicarakan dianggap sebagai keterangan lisan. Manakala sebarang dokumen yang dikemukakan di mahkamah sewaktu perbicaraan dianggap keterangan berbentuk komentar. Segala fakta-fakta yang berkaitan secara umumnya hendaklah dibuktikan melalui keterangan lisan melainkan kandungan dokumen. Oleh yang demikian, menurut Seksyen 47 Akta Keterangan Mahkamah Syariah segala pernyataan oleh para saksi boleh dikemukakan di mahkamah sekiranya mengikut bentuk-bentuk keterangan lisan seperti berikut:

(a) jika ia merujuk kepada fakta yang boleh dilihat, maka ia mestilah keterangan saksi yang mengatakan dia telah melihat fakta itu;

(b) jika ia merujuk kepada fakta yang boleh didengar, maka ia mestilah keterangan saksi yang mengatakan dia telah mendengar fakta itu;

(c) jika ia merujuk kepada fakta yang boleh dianggap melalui mana-mana deria rasa yang lain atau dengan apa-apa cara yang lain, maka ia mestilah keterangan saksi yang mengatakan dia telah menanggungnya dengan deria rasa itu atau dengan cara itu;

(d) jika ia merujuk kepada pendapat atau alasan yang berasaskannya pendapat itu dipegang, maka ia mestilah keterangan orang yang berpegang pada pendapat itu atas alasan itu.

Kebiasaannya, saksi-saksi yang dikemukakan dalam kes pengesahan nikah ini adalah merupakan saksi yang melihat kejadian itu berlaku. Antara perkara-perkara yang dititikberatkan sebagai saksi ketika melihat kejadian perkahwinan itu berlaku adalah berkaitan rukun nikah seperti ijab dan qabul, pengantin lelaki, pengantin perempuan, wali dan keadaan perkahwinan tersebut berlangsung. Malahan, keterangan-keterangan ini akan disokong oleh bentuk keterangan lain seperti keterangan dokumen iaitu surat keterangan nikah dan surat pengesahan pernikahan iaitu surat konsulat.

Secara dasarnya, proses pengesahan nikah ini dibuat bagi mendapatkan perintah mahkamah supaya pernikahan ini dapat disabitkan sah berlaku mengikut hukum syarak dengan memenuhi rukun nikah dan melayakkannya untuk didaftarkan. Merujuk kepada Seksyen 31 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 menyatakan bahawa perkahwinan di kedutaan-kedutaan Malaysia di luar negeri boleh di daftarkan di pejabat pendaftaran nikah tempat dia bermastautin. Pendaftaran ini hanya boleh dilakukan setelah mendapat kebenaran dari pendaftar yang dilantik oleh Yang di Pertuan Agong di bawah Seksyen 28(3) Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 di Kedutaan Suruhanjaya Tinggi atau Pejabat Konsul Malaysia.

IMPLIKASI PERKAHWINAN YANG TIDAK DIDAFTARKAN

a) Dari Aspek Perundangan

Sesebuah perkahwinan yang berlaku tanpa kebenaran atau merentas sempadan boleh

menerima akibat sekiranya tidak berdaftar dengan mana-mana Pejabat Agama Islam Daerah di tempat pihak-pihak bermastautin. Implikasi dari pernikahan tanpa kebenaran adalah kehilangan hak dalam perkahwinan dan perkahwinan dianggap sebagai tidak wujud mengikut undang-undang di Malaysia. Pihak-pihak dari perkahwinan tidak berdaftar tersebut juga boleh didenda tidak melebihi RM1000 atau penjara tidak lebih 6 bulan atau kedua-duanya sekali berdasarkan peruntukan seksyen 40 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Selangor 2003.

Selain itu, tertakluk pada Akta Pencen 1980, seorang isteri dari perkahwinan jenis ini juga tidak layak menerima wang pencen suami. Menurut Sabree Nasri (2020), seorang isteri yang bercerai hasil daripada pernikahan tanpa kebenaran tidak boleh menuntut mut'ah yang merupakan suatu pembayaran sagu hati yang diberikan oleh bekas suami kepada bekas isterinya selepas mereka bercerai sama ada berupa wang atau pun barang seperti yang telah diperuntukkan dalam seksyen 58 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003. Bukan itu sahaja, pasangan yang gagal menunjukkan bukti telah berkahwin sebagaimana tertakluk dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah di seluruh negeri di Malaysia boleh dituduh melakukan jenayah khalwat. Oleh itu, peruntukan Undang-Undang Keluarga Islam yang mewajibkan pendaftaran perkahwinan bagi setiap negeri-negeri pada masa kini adalah untuk kebaikan bersama.

Walaupun tidak terlaksana pada zaman Rasulullah SAW dan para sahabat, hakikatnya ianya tidak bercanggah dengan hukum syarak. Matlamat peruntukan ini dibuat adalah untuk mengemaskini hal ehwal orang-orang Islam di Malaysia dan sebagai salah satu sistem atau mekanisma untuk mengawal segelintir masyarakat Islam supaya tidak menyalahgunakan kemudahan di bawah hukum syarak dalam melaksanakan sesuatu perkahwinan.

b) Dari Aspek Status Perkahwinan

Islam telah memandang setiap perkara dalam rumah tangga dan kekeluargaan sebagai sesuatu yang serius berdasarkan garis panduan yang telah ditetapkan oleh al-Quran dan as-Sunnah. Perkara ini termasuklah soal perkahwinan yang diertikan sebagai suatu ikatan yang sah antara lelaki dan perempuan dalam memainkan peranan sebagai suami isteri. Seperti

yang dimaklumi oleh masyarakat muslim, perkahwinan perlulah menyempurnakan setiap rukun-rukun pernikahan iaitu suami, isteri, sighth, wali dan dua orang saksi. Selain rukun-rukun, perkahwinan juga harus memenuhi syarat-syarat perkahwinan sebagaimana yang telah ditetapkan oleh hukum syarak (Borhanuddin et al., 2022).

Perkahwinan merupakan asas kepada pembentukan institusi keluarga yang menjadi sebuah titik tolak kepada kestabilan sosial dalam sebuah masyarakat. Oleh itu, bagi memastikan perkahwinan diiktiraf sebagai sah dan teratur, setiap negara menetapkan syarat serta keperluan tertentu yang perlu dipatuhi oleh pasangan yang ingin berkahwin. Keperluan-keperluan ini bukan sahaja berkait dengan aspek agama, malahan melibatkan peruntukan undang-undang yang mengawal selia tatacara dan pengesahan sesuatu perkahwinan. Oleh itu, tidak dapat dikecualikan juga bahawa perkahwinan tanpa kebenaran meninggalkan kesan negatif yang sangat besar dari segi kedudukan dan juga status perkahwinan. Berdasarkan hukum syarak, sekiranya sebuah perkahwinan yang didapati dilangsungkan tanpa memenuhi syarat rukun nikah iaitu syarat sah suami, isteri, wali, saksi dan Ijab Qabul, maka perkahwinan tersebut dikira tidak sempurna dan hukumnya fasid atau batil. Pasangan seperti ini haruslah difaraqkan (dipisahkan) serta merta bahkan suami tidak wajib membayar mahar perkahwinan sekiranya belum berlakunya jimak antara keduanya (Borhanuddin et al., 2022).

Oleh hal demikian, dalam kes seperti ini, pihak mahkamah bertanggungjawab untuk menjalankan siasatan apabila terdapat pasangan yang berkahwin tanpa kebenaran di luar negara mahupun di dalam negara untuk menentukan kesahan perkahwinan tersebut sama ada sah ataupun tidak di sisi hukum syarak. Justeru, perkara ini adalah sangat penting kerana terdapat risiko bahawa perkahwinan tersebut mungkin tidak sah dari segi undang-undang. Hal ini dikatakan demikian kerana, golongan yang berkahwin tanpa kebenaran baik di dalam negara mahupun luar negara berisiko menghadapi pelbagai isu yang boleh menjejaskan kesahihan perkahwinan mereka. Salah satu isu yang paling ketara adalah berkaitan dengan kelayakan wali. Dalam perkahwinan Islam, wali memainkan tanggungjawab yang sangat penting untuk memastikan perkahwinan itu sah.

Oleh itu, kredibiliti sebagai wali haruslah dititikberatkan. Sekiranya wali yang mengahwinkan pasangan itu tidak memenuhi syarat yang ditetapkan oleh undangundang atau

agama, maka perkahwinan tersebut mungkin boleh dianggap tidak sah. Bukan itu sahaja, perkahwinan yang tidak didaftarkan ini juga merupakan perkahwinan tanpa kebenaran yang sering kali tidak melalui tapisan daripada pihak yang berautoriti. Perkara ini jelas boleh mengganggu kesahan sesuatu perkahwinan dan memberikan implikasi negatif terhadap status sesuatu perkahwinan.

c) Dari Aspek Hak-Hak Isteri

Sebelum meneruskan niat untuk melangsungkan perkahwinan tanpa kebenaran, perkara penting yang perlu diketahui oleh pasangan terutamanya pihak isteri ialah implikasi yang perlu dihadapi di kemudian hari yang disebabkan perkahwinan tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana isteri lah yang akan menghadapi masalah besar sekiranya sesuatu yang buruk berlaku dalam perkahwinan pasangan tersebut. Persatuan Peguam Syarie Malaysia (PGSM) menegaskan bahawa kesan negatif daripada perkahwinan yang tidak didaftarkan ini ialah pihak isteri akan sukar untuk mengajukan sebarang permohonan ataupun tuntutan di Mahkamah Syariah. Perlu difahamkan oleh semua pihak yang tidak mendaftarkan perkahwinan bahawa man-mana pasangan yang ingin melakukan urusan pembubaran perkahwinan seperti talak, Khuluk, Ta'lik, Li'an dan Fasakh hendaklah melakukan permohonan di bawah Undang-Undang Keluarga Islam Negeri masing-masing. Oleh itu, sekiranya berlaku masalah dalam perkahwinan pasangan ini, isteri tidak boleh membuat sebarang tuntutan seperti tuntutan nafkah, mut'ah, harta sepencarian dan lain-lain lagi sekiranya perkahwinan masih tidak didaftarkan. Hal ini dikatakan demikian kerana pihak mahkamah dan juga pejabat agama Islam hanya akan melayan semua tuntutan bagi perkahwinan yang didaftarkan sahaja.

Dalam masa yang sama, sekiranya berlaku kematian terhadap suaminya. Jika pihak isteri tidak dapat membuktikan kesahan perkahwinan itu, maka isteri dan anaknya tidak dapat mewarisi harta pusaka peninggalan suami atau bapanya kerana pihak Mahkamah Syariah tidak akan melayan sebarang tuntutan yang dibuat oleh mereka berkaitan dengan tuntutan harta pusaka. Selain itu, tertakluk pada Akta Pencen 1980, seorang isteri dari perkahwinan jenis ini juga tidak layak menerima wang pencen suami. Bahkan, apa yang lebih menyedihkan apabila perkahwinan tidak didaftarkan, ramai kalangan yang menjadi mangsa gantung tidak

bertali apabila ditinggalkan suami. Mereka ditinggalkan begitu sahaja tanpa kata putus dan proses yang seharusnya dilalui. Dalam hal ini, apabila si isteri mengajukan masalah ini ke mahkamah untuk menuntut penceraian yang sah, mahkamah tidak dapat melakukan apa-apa tindakan kerana mereka tidak mempunyai rekod perkahwinan dan surat nikah yang sah. Sekiranya benar-benar perlu untuk melalui proses mahkamah, ia akan melalui proses yang sangat lama dan sukar kerana beberapa aspek perlu diambil kira bagi menyelesaikan konflik tersebut.

Bukan itu sahaja, seorang isteri yang bercerai hasil daripada pernikahan tanpa kebenaran tidak boleh menuntut mut'ah yang merupakan suatu pembayaran sugu hati yang diberikan oleh bekas suami kepada bekas isterinya selepas mereka bercerai sama ada berupawang atau pun barang seperti yang telah diperuntukkan dalam seksyen 58 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003. Sugu hati mut'ah ini dikira bayaran yang wajib apabila perceraian itu berlaku bukan disebabkan oleh kesalahan pihak isteri. Namun begitu, pihak isteri dari pernikahan tanpa kebenaran ini tidak boleh menuntut hak mut'ah memandangkan pernikahannya yang tidak didaftarkan di Malaysia sekali gus menyebabkan hak isteri dalam tuntutan mut'ah dinafikan. (Fuad & Rapini, 2023)

Justeru, pasangan dari pernikahan tanpa kebenaran ini juga tidak boleh menuntut harta hasil daripada perkahwinan tersebut yang dipanggil harta sepencarian mengikut Seksyen 122 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003. Harta sepencarian adalah harta yang diperolehi semasa perkahwinan antara suami dan isteri hasil daripada sumber-sumber mereka atau hasil daripada usaha mereka bersama. Namun demikian, pihak-pihak tidak boleh menuntut harta sepencarian dalam perkahwinan tanpa kebenaran selepas mereka bercerai kerana ketiadaan bukti kukuh yang menyatakan pernikahan pihak-pihak adalah sah di sisi undang-undang keluarga Islam di Malaysia (Fuad & Rapini, 2023).

d) Dari Aspek Status Anak

Mengikut Syariat Islam, konsep anak sah taraf merujuk kepada perakuan yang diperolehi oleh anak berkenaan sebagai anak yang sah kepada bapa berkenaan. Mengikut para fuqaha, perolehan berkenaan boleh berlaku melalui tiga cara. Pertamanya melalui perkahwinan yang sah

atau perkahwinan yang fasid antara kedua ibu dan bapa kepada anak berkenaan. Keduanya berlaku perisetubuhan secara shubhah antara lelaki dan perempuan berkenaan. Sementara ketiganya pula melalui perakuan yang dibuat oleh bapa berkenaan bahawa anak berkenaan adalah anaknya. Asas utama kepada pandangan ini ialah sabda Rasulullah SAW "الفرأش الولد" yang bermaksud anak perlu dikaitkan (Ilhaq) dengan bapa yang melahirkannya melalui perkahwinan yang sah.

Namun bukan semua perkahwinan boleh menjadi asas kepada sah taraf yang dimaksudkan. Mengikut para fuqaha lagi, ia perlu mencapai tempoh enam bulan sebelum anak itu dilahirkan. Asas kepada pandangan ini adalah kompromi (al-jam') antara pengertian dua ayat al-Quran yang berkait dengan masalah berkenaan. Ayat pertama ialah firman Allah SWT dalam surah al-Ahqaf, ayat 15:

وَحَمْلُهُ وَفِصْلُهُ ثَلَاثُونَ شَهْرًا

Maksudnya: Sedangkan tempoh mengandungnya beserta tempoh menceraikan susunnya ialah dalam masa tiga puluh bulan. (Surah al-Ahqaf, 46: 15)

وَفِصْلُهُ فِي عَامَيْنِ

Maksudnya: Dan tempoh menceraikan susunnya ialah dalam masa dua tahun (Surah Luqman, 31: 14)

Dalam ayat pertama Allah menyebut tempoh mengandung bersama menyusu adalah selama 30 bulan. Sementara dalam ayat kedua pula Allah menegaskan tempoh menyusu selama dua tahun, iaitu 24 bulan. Perkara ini bermaksud, mengikut kaedah kompromi berkenaan tempoh terbaki iaitu enam bulan merupakan tempoh minimum bagi mengandung. Memperkukuhkan lagi tafsiran ini adalah hadis Ibn 'Abbas dalam kes wanita yang melahirkan anak selepas sahaja genap enam bulan mengandung. Disebabkan syak dengan kejujuran wanita itu suaminya membawa kes berkenaan kepada Sayyidina 'Uthman Ibn 'Affan. Pada mulanya 'Uthman RA berkecenderungan untuk menghukum supaya wanita itu direjam. Walau bagaimanapun beliau telah ditegur oleh Ibn 'Abbas berasaskan kepada kompromi antara dua ayat berkenaan. 'Uthman menerima baik tafsiran berkenaan lalu melepaskan wanita itu daripada hukuman.

Mengikut pandangan majoriti para fuqaha, yang dimaksudkan dengan enam bulan

itu bukan merujuk kepada tempoh akad nikah sahaja, tetapi juga kepada awal tempoh kemungkinan persetubuhan boleh berlaku antara dua suami isteri berkenaan. Perkara ni kerana perkataan ”الفرا“ dalam hadis berkenaan bermaksud isteri yang disetubuhi. Satu syarat lain ialah tempoh maksimum. Maksudnya bayi berkenaan perlu lahir dalam jangka masa perkahwinan yang tidak lebih dari tempoh berkenaan. Walau bagaimanapun, tidak seperti dalam masalah tempoh minimum, pendapat para fuqaha sangat berbeza antara satu sama lain berhubungan dengan persoalan ini. Dalam mazhab Hanafi, tempoh yang dimaksudkan ialah selama 2 tahun,¹⁰ iaitu berpandukan pendapat Saidatina Aisyah yang menyebut: “Anak tidak akan berada dalam Rahim ibunya lebih daripada dua tahun walau pun sesaat”. Manakala, dalam mazhab Syafi’*e* dan Hanbali 4 tahun, iaitu berdasarkan kepada realiti hidup pada waktu itu. Kata mereka, perempuan suku Bani ‘Ajlan mengandung selama 4 tahun. Sementara para fuqaha mazhab Maliki pula berpendapat 5 tahun. Kata Imam Malik, saya dengar ada perempuan mengandung selama 7 tahun. Bukan itu sahaja, di pihak yang lain pula ada mazhab berpendapat tempoh maksimum berkenaan ialah setahun (Qamariyah) sahaja. Ini adalah pandangan Muhammad Ibn ‘Abd al-Hakam dari mazhab Maliki. Malah ada yang berpendapat hanya 9 bulan (Qamariyah) sahaja, seperti mana yang dipegang oleh mazhab al-Zahiri (Ismail, 2013).

Dalam masa yang sama, anak tak sah taraf yang didefinisikan dalam keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia, Akta atau Enakmen Pentadbiran Agama Islam negeri-negeri dan keputusan fatwa Jawatankuasa Fatwa negeri-negeri di Malaysia merujuk kepada makna “anak zina”. Manakala Pendaftaran Negara (JPN), tidak meletakkan definisi anak tak sah taraf secara khusus melainkan anak yang dikategorikan sebagai anak-anak yang ketiadaan dokumen kelahiran sehingga ibu bapanya berjaya mendaftarkan perkahwinan di Mahkamah Syariah. Merujuk kepada pendaftaran anak tak sah taraf di JPN terbahagi kepada dua kategori iaitu pendaftaran di bawah seksyen 13 dan pendaftaran tanpa maklumat bapa seperti berikut:

- i. Pendaftaran anak di bawah “Seksyen 13” adalah merujuk kepada anak yang mempunyai maklumat ibu bapa semasa pendaftaran kelahiran dilakukan di mana ia terbahagi kepada 3 jenis:

- a. Ibu bapa anak tersebut tidak berkahwin
- b. Ibu bapa anak tersebut berkahwin tetapi dokumen perkahwinan tidak dapat didaftarkan.
- c. Ibu bapa anak tersebut berkahwin tetapi anak tersebut lahir kurang dari 6 bulan qamariah.

- ii. Pendaftaran anak tanpa maklumat bapa ketika pendaftaran kelahiran dilakukan di mana hanya maklumat ibu sahaja yang dibekalkan. Contoh situasi:

- a. Anak hasil daripada jenayah rogol dan nikah syubhah serta bapa yang berada di luar negara tetapi tidak dapat menyediakan dokumen yang berkaitan.
- b. Ibu dengan sengaja tidak mahu meletakkan maklumat bapa di dalam sijil kelahiran.

Justeru, isu pendaftaran kelahiran anak tak sah taraf ini bukan hanya disumbangkan oleh kes zina dan pembuangan bayi, malah perkahwinan tanpa pendaftaran yang sah turut menyumbang kepada statistik peningkatan anak tak sah taraf yang dikeluarkan oleh pihak JPN. Keengganan pasangan mendaftarkan perkahwinan turut memberi kesan kepada anak yang bakal dilahirkan (Zainalabidin & Hussin, 2024). Jelaslah di sini bahawa perkahwinan tanpa kebenaran bukan sahaja memberi kesan terhadap status perkahwinan dan isteri sahaja, tetapi juga memberi kesan negatif terhadap anak-anak yang lahir hasil daripada perkahwinan tersebut. Kedudukan taraf anak-anak tersebut mungkin sah dari segi hukum syarak. Namun begitu, status kelahiran mereka akan sukar didaftarkan sebelum ibu bapa mereka mendaftarkan perkahwinan terlebih dahulu.

Perkara ini akan mengganggu masa depan, emosi dan timbulnya masalah dalam pendidikan anak-anak tersebut. Apabila lahir seorang anak hasil daripada sesebuah perkahwinan, sudah menjadi tanggungjawab kedua ibu bapa untuk mendaftarkan kelahiran anak tersebut di Jabatan Pendaftaran Negara. Walau bagaimanapun, proses pendaftaran kelahiran tidak boleh dilakukan sekiranya ibu bapa anak tersebut gagal untuk mengemukakan sijil atau bukti yang sah berkaitan status mereka

di hadapan orang yang akan mendaftarkan kelahiran tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) tidak akan mengeluarkan sijil kelahiran anak sekiranya didapati sijil nikah atau dokumen lain pasangan (ibu bapa) tidak diiktiraf dan didaftarkan.

Apabila berlaku masalah seperti ini, secara tidak langsung akan berlaku kesukaran dari sudut sah taraf anak kerana JPN tidak dapat mendaftarkan anak tersebut. Anak-anak pula akan tergolong dalam anak tak sah taraf kerana kegagalan ibu bapa mereka membuktikan kesahan perkahwinan sekali gus menimbulkan kecelaruan dalam masalah nasab. Selain itu, hak perwarisan terhadap anak yang dilahirkan tanpa dokumen yang sah juga boleh ternafi di sisi-sisi undang-undang kerana statusnya boleh dikatakan sama dengan anak tak sah taraf. Perkara ini secara tidak langsung akan menjejaskan institusi keluarga kerana ianya akan menafikan nasab anak tersebut. Bukan itu sahaja, kesan perkahwinan yang tidak berdaftar kepada anak juga adalah mereka akan kurang keyakinan diri dan sering menjadi bual mulut orang di sekeliling disebabkan nama mereka tidak ber 'bin' kan ayah biologi mereka. Terkadang, status mereka menurut syarak adalah anak sah taraf apabila ibu bapa telah berkahwin di luar negara atau di dalam negara secara sah dan mengikut hukum yang telah ditetapkan oleh syarak. Biarpun begitu, tindakan ibu bapa yang tidak mendaftarkan perkahwinan mereka mengikut prosedur undang-undang, menyembunyikan perkahwinan tersebut serta tidak mendapatkan sijil nikah yang sah, menghalang pihak berautoriti untuk mendaftarkan anak dengan ber 'bin' kan ayah biologinya. Hal ini dikatakan demikian kerana bukti seperti sijil nikah amat diperlukan semasa pendaftaran (Borhanuddin et al., 2022).

e) Dari Aspek Masyarakat

Tidak dinafikan lagi bahawa hikmah digalakkan berkahwin dalam Islam adalah untuk mengembangkan keturunan serta merapatkan hubungan silaturahim antara sesebuah keluarga. Namun begitu, keadaan akan berlaku sebaliknya jika perkahwinan itu adalah perkahwinan yang tidak menepati hukum syarak dan juga undang-undang. Perkahwinan yang tidak mengikut prosedur yang ditetapkan oleh undang-undang dan tidak didaftarkan akan menimbulkan perpecahan antara kedua belah pihak keluarga serta pasangan. Konflik akan wujud yang menyebabkan ikatan kekeluargaan putus dan berpecah belah di sebabkan perkara ini dianggap

seperti perkara yang membelakangi keluarga. Bahkan, perkara ini juga dianggap sebagai perbuatan yang mengaibkan dimata masyarakat (Borhanuddin et al., 2022).

Justeru, implikasi bagi pasangan yang tidak mendaftarkan perkahwinan mereka juga adalah tidak mempunyai rekod perkahwinan yang sah boleh menimbulkan keraguan dan kegusaran serta pandangan serong masyarakat sekeliling. Dalam masa yang sama, ia juga menimbulkan fitnah dan tohmahan daripada masyarakat yang beranggapan ianya satu kesalahan zina atau khalwat. Masyarakat akan beranggapan bahawa untuk menyembunyikan kesalahan yang mereka lakukan ini, mereka pun berkahwin secara senyap dan tidak mendaftarkan perkahwinan bagi mengelakkan diketahui umum. Disebabkan oleh itu, demi menutup prasangka buruk dan tohmahan daripada masyarakat, pasangan ini terpaksa menjauhkan diri dan bersembunyi daripada orang ramai. Tidak habis di situ, perlakuan berkahwin tanpa kebenaran dan tidak mendaftarkannya dikhuatiri akan menjadi ikutan kepada golongan yang lebih muda untuk melangsungkan perkahwinan.

Hal ini dikatakan demikian kerana anak muda zaman sekarang mempunyai pemikiran yang lebih kritikal berbanding masyarakat dahulu. Perkahwinan tanpa kebenaran dan tidak mendaftarkannya boleh menjadikan golongan muda berfikir ia adalah jalan mudah untuk berkahwin tanpa perlu melalui proses dan prosedur yang sukar. Perkara ini secara tidak langsung memberikan idea kepada golongan muda untuk melakukannya.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, artikel ini memperlihatkan bahawa isu yang dibincangkan bukan sekadar bersifat konseptual, malah mempunyai kesan langsung terhadap kefahaman dan pelaksanaan dalam bidang berkaitan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pendekatan sedia ada masih memerlukan penilaian dan penambahbaikan agar dapat memenuhi tuntutan keadilan, keberkesanan serta realiti semasa. Keadaan ini menuntut satu kerangka yang lebih seimbang antara prinsip, peruntukan undang-undang dan keperluan praktikal. Dari segi implikasi, kajian ini menyumbang kepada pengayaan wacana akademik dengan membuka ruang perbincangan yang lebih kritikal dan kontekstual. Selain itu, dapatan yang diketengahkan juga boleh

dimanfaatkan oleh pihak berkepentingan khususnya penggubal dan pengamal undang-undang sebagai panduan dalam memperkemas dasar dan amalan agar lebih tersusun dan konsisten. Dalam konteks masyarakat, penambahbaikan ini berpotensi meningkatkan keyakinan terhadap sistem yang dilaksanakan serta memastikan hak dan kepentingan pihak terlibat dilindungi secara lebih adil.

Sehubungan itu, penyelidikan lanjutan wajar dijalankan dengan mengambil kira dimensi pelaksanaan dan reformasi bagi mengatasi masalah ini. Langkah ini penting bagi memastikan cadangan penambahbaikan yang dicadangkan bukan sahaja bersifat normatif, tetapi dapat dilaksanakan secara praktikal dan berkesan dalam jangka masa panjang.

RUJUKAN

- Ahmad Zakhi, M. Z. F. (n.d.). *Perkahwinan tidak mengikut prosedur: Kajian di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur*.
- Al-Bakri, Z. M. (2017). Nikah dan perkara yang berkaitan dengannya. In *Al-fiqh Al-Manhaji Kekeluargaan Islam Dalam Fiqh Al-Syafi'i* (pp. 3–4). Darul Syakir Enterprise.
- Basyar, F. (2017). Prosedur pencatatan perkahwinan dan perceraian di negara Indonesia dan Malaysia perspektif hukum Islam. *Istidlal*, 1.
- Borhanuddin, S. A., Samah, M., & Mat Hussin, M. N. (2022). Sorotan literatur terhadap polemik perkahwinan tanpa kebenaran di Malaysia. *Journal of Shariah Law Research*. <https://peradaban.um.edu.my/index.php/JSLR/article/view/40861/15251>
- Borhanuddin, S. A., Samah, M., & Mat Hussin, M. N. (2023). Kesalahan berkahwin tanpa kebenaran bagi orang Islam di Malaysia: Tinjauan berdasarkan perspektif syarak dan undang-undang. *Jurnal Pengajian Islam*. <https://jpi.uis.edu.my/index.php/jpi/article/view/268/189>
- Borhanuddin, S. A., Samah, M., & Mat Hussin, M. N. (2025). Mekanisme penguatkuasaan kesalahan matrimoni/perkahwinan tanpa kebenaran bagi orang Islam di negeri Johor. *Jurnal Pengajian Islam*. <https://jpi.uis.edu.my/index.php/jpi/article/view/268/189>
- Fuad, F., & Rapini, A. M. (2023). Kesan pernikahan tanpa kebenaran terhadap isteri menurut undang-undang keluarga Islam negeri Selangor. *Proceeding of IconSyAL 2023*, 1095. <https://conference.uis.edu.my/iconsyal/images/2023/e proceeding/1095 .pdf>
- Hussin, N. S. (2015). *Perkahwinan tanpa kebenaran: Kajian terhadap kes-kes di Mahkamah Syariah negeri Perlis dari tahun 2006 hingga 2010*.
- Ismail, P. H. (2013). Anak tak sah taraf dari perspektif syariah dan perundangan Islam di Malaysia. *Jurnal Fiqh*, (10), 77–90.
- Mohamad, M. N. (2008). *Perkahwinan tanpa kebenaran rakyat Malaysia di selatan Thailand*. Google Scholar. https://scholar.google.com/citations?view_op=view_citation&hl=en&user=J12rcVIAAAAJ&citation_for_view=J12rcVIAAAAJ:M3NEmzRMIC
- Mohd Awal, N. A. (2015, February 4). Perkahwinan tidak berdaftar tiada locus standi di mahkamah Syariah, seterusnya akan timbul pelbagai masalah. *Utusan Malaysia*.
- Shahrulnizam, A. (2023, January 8). Pernikahan di Thailand tak diiktiraf, jika tak daftar dengan jabatan agama. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/01/1049133/pernikahan-di-thailand-tak-diiktiraf-jika-tak-daftar-dengan-jabatan>
- Wan Ismail, W. A. F., Baharuddin, A. S., Mamat, Z., Abdul Mutalib, L., Hashim, H., & Alias, M. A. A. (2023). Analisis awal terhadap faktor-faktor peningkatan kes-kes perkahwinan merentasi sempadan dalam kalangan masyarakat Muslim di Malaysia. 30(1).
- Yahya, M. A., Abdul Mutalib, L., & Mohd Dahalan, H. (2016, November 22–23). *Keperluan surat konsulat: Pembuktian permohonan pengesahan nikah di Mahkamah Syariah* [Paper presentation]. Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference 2016.
- Zainalabidin, A. M., & Hussin, Z. (2024). *Pendaftaran perkahwinan: Implikasi terhadap status taraf kelahiran anak*. USIM Open Access Repository. <https://oarep.usim.edu.my/entities/publication/c1582ceb-4532-4c9a-99a9-da4b2983d198>